

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI MAJLIS MENYAMBUT ULANGTAHUN YANG KE DUA PULUH TUJUH UMNO DI SRI TAMAN, KUALA LUMPUR PADA 19HB MEI, 1973

Saudara-saudara sekalian,

Saya bersyukur dan gembira kerana dengan izin Allah, kita dapat berhimpun di sini menyambut ulangtahun UMNO yang ke dua puluh tujuh dalam suasana yang meriah walaupun perayaan kali ini dibuat secara sederhana. Seterusnya suka saya mengucapkan terima kasih kepada sekalian pimpinan UMNO yang hadir terutama yang datang dari jauh. Begitu juga kepada wakil-wakil Parti-parti dalam Perikatan dan Parti-parti yang bekerjasama dengan Kerajaan hari ini yang ada bersama kita petang ini.

Saudara-saudara sekalian,

Kita semua di dalam UMNO boleh berbangga kerana Parti kita mencapai usia dua puluh tujuh tahun bukan sahaja dengan adanya sokongan yang teguh dari rakyat bahkan kita dapat memberikan perkhidmatan kepada Bangsa dan Negara bersama-sama dengan rakan seperjuangan kita dalam Perikatan.

Perayaan hari ini ialah supaya mengingatkan semua akan jasa bakti pemimpin-pemimpin UMNO yang terdahulu (dan yang telah mendahului kita) sambil itu meninjau kembali perjalanan Parti di masa setahun yang baru lalu serta membaharui azam meneruskan perjuangan UMNO menuju matlamat yang dicita-citakan. Kelemahan atau kekurangan dalam Parti hendaklah dibetulkan dan diperbaiki dan di samping itu mengatur tindakan positif bagi masa hadapan.

Sebagaimana yang kita maklum, tahun 1973 melihat banyak kemajuan dan perkembangan yang sungguh menggalakkan. Saya sukacita dengan adanya beberapa Parti sahabat baru yang bekerjasama dengan UMNO dalam Kerajaan di peringkat Negeri dan Pusat, dan dengan perkembangan ini kita maju selangkah ke arah cita-cita Front Nasional serta dapat mewujudkan kesetabilan politik dan perpaduan di kalangan rakyat. Front Nasional atau Barisan Kebangsaan membolehkan kita menyelesaikan

masaalah negara dengan lebih licin bagi mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat serta menubuhkan bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu padu.

Saya sukacita Kerajaan Campuran telah berjalan dengan baik berkat adanya persefahaman dan kerjasama di samping kejujuran pemimpin memberikan makna kepada konsep campuran. Namun, saya berharap masaalah Kerajaan Campuran diberi faham dan penerangan penuh kepada rakyat, khasnya penyokong-penyokong Parti kita. Campuran dengan Gerakan di Pulau Pinang dan dengan PPP di Perak tidak menjadi soal. Tetapi Campuran Perikatan/PAS belum difahami betul oleh penyokong-penyokong Parti khasnya anggota-anggota UMNO dan PAS sendiri di peringkat bawah terutama di kampung-kampung.

Sungguhpun persetujuan telah tercapai di pucuk pimpinan Parti dan juga melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan tetapi ini belum meresap sampai ke bawah. Saya telah bersetuju dengan Datuk Asri¹ supaya diatitkan penerangan bersama antara UMNO dengan PAS bagi rakyat ramai di kampung-kampung. Dengan langkah itu diharapkan keadaan yang tenang dapat dikekalkan untuk memupuk suasana harmoni menjelang pilihanraya umum kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Begitu juga saya sangat sukacita serta berpuashati dengan kemajuan yang dicapai oleh UMNO selama setahun yang lalu. Hari ini semakin banyak Bahagian-bahagian UMNO telah mempunyai bangunan dan pejabat sendiri yang mana mencerminkan konsep berdikari dan kemampuan memberikan khidmat kepada masyarakat. Dalam hal ini saya tegaskan lagi pesan supaya UMNO peringkat Bahagian dan Cawangan memainkan peranan positif sebagai tali penghubung antara rakyat dengan Kerajaan. Pejabat UMNO hendaklah berusaha memberikan khidmat yang berkesan kepada masyarakat tempatan baik memberi penerangan tentang dasar Kerajaan atau apa jua bantuan yang diperlukan. Rumah UMNO hendaklah sentiasa terbuka dan dengan itu rakyat akan benar-benar menghargai jasa dan khidmat UMNO.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Pergerakan Pemuda kerana pertama kali mengelolakan

1 Y.B. Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas.

Pertandingan Sukan Pemuda UMNO peringkat nasional. Memandang pada kejayaan pertandingan itu, saya fikir elok kalau dapat diselenggarakan pertandingan yang lebih luas scopenya pada masa akan datang. Di samping itu Pemuda dan Wanita patut merancang dan melaksanakan projek-projek kebajikan yang bermakna kepada masyarakat di kampung-kampung. Begitu juga patut difikirkan langkah-langkah positif mengenai masalah keciciran murid-murid dan tidak hanya membuat resolusi masa-masa mesyuarat sahaja. Langkah ini akan membantu Kerajaan mengatasi masalah yang besar itu.

Syukur Alhamdulillah, pada masa ini tidak ada masalah negara yang penting. Kita sedang menjalankan Mid-Term Review Rancangan Malaysia Kedua yang saya harap dapat disiapkan tidak lama lagi sebelum akhir tahun. Saya percaya dengan mengadakan Review ini kita dapat menyemak kejayaan rancangan-rancangan pembangunan dan menentukan mana-mana kelemahan jika ada supaya dapat diperbaiki dan pelaksanaannya diperkuatkan lagi. Saya suka menyebut setakat ini pelaksanaan rancangan-rancangan dari segi physical infra-structure berjalan dengan memuaskan dan shortfallnya jauh kurang dari Rancangan Malaysia Pertama buat tempoh yang sama.

Saudara-saudara sekalian,

Satu masalah besar yang kita hadapi dan sangat membebankan rakyat ialah kenaikan harga setengah-setengah barang makanan dan keperluan sehari-hari. Seperti yang telah diterangkan oleh saya dan juga Y.A.B. Tun Dr Ismail² dalam Parlimen baru-baru ini, Kerajaan memandang berat terhadap perkara ini dan langkah-langkah telahpun diambil untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang timbul kerana kenaikan harga barang-barang itu. Antara langkah-langkah yang dijalankan sekarang ialah mengenai timbang-sukat, meletakkan tanda harga di samping mengenakan syarat kepada perusahaan-perusahaan perintis meminta kebenaran Kerajaan sebelum menaikkan harga.

Kerajaan berpendapat masalah harga barang-barang tidak boleh diatasi dengan mengadakan undang-undang mencegah kenaikan harga seperti yang diusulkan oleh setengah-setengah pihak. Kedudukan sebenar mengenai barang-barang makanan dan keperluan bukanlah kurang ataupun tidak ada tetapi ternyata ada

² Y.A.B, Timbalan Perdana Menteri.

penjual-penjual yang sengaja menaikkan harga barang-barang ini semata-mata untuk mendapat keuntungan yang berlebihan. Jadi masalah itu mustahak diatasi dengan cara yang lain.

Seperti yang diterangkan oleh Tun Dr Ismail dalam Parlimen baru-baru ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah pun meletakkan barang-barang makanan dan keperluan di bawah kuasa Undang-undang Kawalan Bekalan atau Control of Supplies Act dengan kuasa untuk mencegah peniaga-peniaga melakukan simpanan barang-barang atau hoarding ataupun sebarang perbuatan yang menimbulkan "artificial shortage" seperti yang berlaku sekarang ini.

Saya hendak menegaskan di sini iaitu Kerajaan berazam akan menguatkuasakan undang-undang ini sekeras-kerasnya terhadap peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab itu.

Saya telahpun membuat arahan supaya barang-barang keperluan dibeli oleh Kerajaan dan diserahkan kepada PERNAS supaya dibahagi-bahagikan kepada kedai-kedai borong dan runcit yang ditubuhkan oleh SEDC, PERNAS dan agensi-agensi lain seperti Shamelin. Saya ingin melihat banyak lagi kedai-kedai diadakan di bandar-bandar dan di kampung-kampung supaya barang-barang keperluan dapat disalurkan serta dijual kepada rakyat dengan harga yang berpatutan.

Kalau dipandang dari segi yang membina, keadaan hari ini hendaklah disifatkan sebagai satu cabaran kepada rakyat Bumi-putra yang berminat supaya menceburkan diri dalam lapangan perniagaan. Kita berkehendakkan supaya barang-barang keperluan rakyat dijual melalui kedai-kedai rakyat yang dikelolakan oleh rakyat sendiri. Kerajaan bersedia memberi panduan dan dengan itu dapat diketepikan orang-orang tengah yang mengambil kesempatan. Saya telah lama memberi arahan kepada pihak berkuasa Negeri dan ingin melihat rangkaian kedai runcit (chain of shops) itu segera diadakan di bandar-bandar besar dan kecil hingga ke kampung-kampung. Di samping kedai-kedai barang keperluan, projek Restoran Rakyat patut pula dijalankan bagi memenuhi keperluan orang ramai khasnya pekerja-pekerja bergaji rendah. Insya Allah, Restoran Rakyat Kuala Lumpur dijadual akan berjalan akhir tahun ini. Bandar-bandar besar yang lain patut menjalankan juga seperti yang ada di Johor Baharu.

Mengenai keperluan yang lain, saya fikir eloklah juga orang ramai berusaha memenuhi keperluan sehari-hari samada berternak

ayam ataupun berkebun dalam kawasan rumah masing-masing. Dengan cara ini, tak dapat tiada, trend menaikkan harga barang-barang dapat dikawal atau dihentikan sama sekali. Pendek kata, inilah masanya rakyat mempraktikkan dasar berdikari demi kepentingan mereka dan juga negara.

Tindakan positif boleh juga dijalankan oleh pengguna-pengguna dengan menubuhkan Persatuan Pengguna (Consumers Association). Beberapa negeri seperti Selangor dan Pulau Pinang mempunyai Persatuan yang teguh. Pengguna-pengguna boleh mengambil tindakan umpamanya tidak membeli di kedai-kedai yang menjualkan barang-barang dengan harga mahal (baru-baru ini di Amerika suri-suri rumahtangga boycott daging). Saya syorkan Pergerakan Wanita dan Pemuda UMNO patut mengambil bahagian penting mempelupuri tindakan pengguna-pengguna bagi menurunkan harga barang-barang keperluan. Seperti saya katakan tadi, keadaan kesulitan ini adalah satu cabaran untuk rakyat khususnya kaum Bumiputra menceburkan diri dalam perniagaan.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagai penutup kata, saya berpesan kepada seluruh anggota UMNO supaya menjaga perpaduan dan integrity Parti. Kita patut sentiasa waspada dan jangan terlalu mudah terpengaruh oleh berita-berita angin atau membuat tindakan atau reaksi mengenai sesuatu issue tanpa bukti-bukti yang sebenar. Begitu juga kita hendaklah bersama-sama menjaga integrity Perikatan dan janganlah terseret dalam internal problem Parti-parti kawan sebaliknya bersama-sama berusaha mengadakan suasana ketenangan demi kepentingan bersama.